

FAIL MDGM : 9/1/4/3
Bertarikh : 28 Ogos 2025



MAJLIS DAERAH GUA MUSANG

KENYATAAN SEBUTHARGA

Sebutharga adalah dipelawa kepada kontraktor – kontraktor (Kelas G2) Bumiputera Tempatan Negeri Kelantan yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dalam kelas dan bidang kerja berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini, bagi menjalankan kerja-kerja berikut :-

Bil	No. Sebutharga	Nama Projek	Kategori	Harga Dokumen (RM)	Lawatan Tapak
1)	MDGM: 37/2025	KERJA-KERJA MENAIK TARAF JALAN DAN LONGKANG DATARAN KOMPLEKS PERDANA, GUA MUSANG	G2 (CE01 & CE34)	RM70.00	Lawatan Tapak Tidak DIWAJIBKAN (Sila rujuk bahagian Pembangunan dan Kejuruteraan untuk maklumat lanjut)
2)	MDGM: 38/2025	MEMBAIK PULIH INFRASTRUKTUR PELANCONGAN POS DAKOH, GUA MUSANG	G2 (B04)		

****Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan (SPKK) yang sah sahaja dibenarkan membeli borang tender.**

- 2) Dokumen sebutharga boleh didapati dari **BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN KEJURUTERAAN, ARAS 1, PEJABAT MAJLIS DAERAH GUA MUSANG** dan dijual secara tunai mulai **02 Sept 2025 (Selasa)** hingga **08 Sept 2025 (Isnin)** dalam waktu berikut :-

<u>HARI</u>	<u>WAKTU</u>
Ahad – Rabu	9.00 pagi – 4.00 petang
Khamis	9.00 pagi – 2.30 petang

- 3) Dokumen Sebutharga hanya akan dikeluarkan kepada penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan (SPKK) yang sah sahaja. Untuk maksud ini, kontraktor hendaklah membawa Sijil Pendaftaran Kontraktor (Asal dan Salinan), Sijil

Peroleh Kerja Kerajaan (SPKK) (Asal dan Salinan), Surat Pengiktirafan Bumiputera (Asal dan Salinan), atau salinan yang di akui sah yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta kad pengenalan penama untuk tujuan pengesahan.

- 4) Dokumen Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditulis **No.Sebutharga, Nama Projek dan Tarikh Tutup Sebutharga**, dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di **Bahagian Pembangunan dan Kejuruteraan MDGM** sebelum jam **12.00 tengahari** pada **09 Sept 2025 (Selasa)**.
- 5) Majlis Daerah Gua Musang tidak terikat untuk menerima sebutharga yang terendah atau mana-mana sebutharga yang dikemukakan.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menyalurkan amanah.



AHMAD HAMDAN BIN UBAIDAH
Setiausaha,
Majlis Daerah Gua Musang.